



Ruj. Kami : ANM.NS.600/2/6/6 Jld.8 (47)
Tarikh : 02 Julai 2026

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGESAHAN LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN SUKUAN
KEDUA (2) BAGI TAHUN KEWANGAN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2022 berkaitan Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan [JANM.BKP.600-14/1/11 JLD.4(4)] adalah berkaitan.

2. Berdasarkan ketetapan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022, penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan hendaklah disediakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian.

3. Mohon kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/Dr./Tuan/Puan untuk memastikan Laporan Baki Aset (LBA) disemak dengan terperinci dan verifikasi keberadaan fizikal aset dilaksanakan dengan tepat beserta dokumen pembuktian pemilikan aset yang lengkap. Semua tindakan pelarasan dan pembetulan yang dikenalpasti pada verifikasi sukuan pertama tahun 2026 hendaklah diselesaikan segera dan tidak berulang pada verifikasi sukuan berikutnya.

4. Bersama ini dikemukakan Templat Verifikasi Aset dan Tatacara Penyelenggaraan Laporan Aset Bukan Kewangan terbaharu yang perlu digunakan dalam penyediaan laporan ini. Laporan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan mengikut tarikh serahan yang ditetapkan seperti di Lampiran A. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT c.a. (M))

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

Lampiran A

**JADUAL PENYERAHAN LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET SUKUAN KEDUA (2)
TAHUN 2026**

BIL	JENIS LAPORAN	TINDAKAN PTJ	LAMPIRAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN	TARIKH SERAHAN
1.	Manual (menggunakan Templat Verifikasi Aset terbaharu)	Jana Laporan Baki Aset (LBA) mulai 06 Julai 2026 hingga 10 Julai 2026 dan menyediakan Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan seperti pada 30 Jun 2026.	➤ Lampiran B3-A-A1 ➤ Lampiran B3-A-A2 (i) ➤ Lampiran B3-A-A2 (ii) ➤ Lampiran B3-B-A1 ➤ Lampiran B3-B-A2 (i) ➤ Lampiran B3-B-A2(ii) ➤ Lampiran B3-C-A1	Laporan secara <i>softcopy</i> (<i>Excell</i> dan <i>PDF</i>) di hantar ke Unit Pengurusan Aset JANM Negeri Sembilan melalui emel ke teamupans@gmail.com selewat-lewatnya 24 Julai 2026 (Jumaat) jam 5.00 petang.
2.	RPA BPOPP05 (pelaporan melalui TVA yang telah dijana oleh bot)			